

Kejohanan Badminton Tertutup UMS mendapat sambutan

UB 14.6.2013 A15

KOTA KINABALU: Exco Sukan dan Rekreasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Kelab Badminton Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Kejohanan Badminton Tertutup universiti Eko Kampus itu bagi mengasah bakat baru yang berpotensi dalam sukan tersebut.

Kejohanan yang diadakan di Dewan Kuliah Pusat A1 UMS terbahagi kepada empat kategori iaitu ceregu lelaki, beregu wanita, beregu campuran dan beregu staf UMS.

Sebanyak 17 kumpulan berentap di kategori beregu lelaki dan enam kumpulan bagi kategori beregu wanita.

Manakala beregu campuran dan beregu staf masing-masing mempunyai penyertaan seramai 13 kumpulan dan empat kumpulan bagi beregu staf.

Pasukan Skema 2 muncul juara bagi kategori beregu lelaki dengan kemenangan mudah 21-14 dan 21-14 terhadap pasukan Skema 1 sekali gus meletakkan pasukan Skema 1 sebagai



PASUKAN Skema 2 muncul sebagai juara beregu campuran.

naib johan, diikuti tempat ketiga milik pasukan Sabah Badminton Association (SBA) 3 dengan mata kemenangan 21-11 dan 21-10 terhadap pasukan Kampung Boy.

Bagi kategori beregu wanita, pasukan SBA muncul juara setelah menerima saingan sengit daripada pasukan Skema 1 dengan mata 21-14, 19-21 dan 21-16.

Tempat ketiga pula menjadi milik pasukan Skema 2 dengan kemenangan mudah 21-14 dan 21-16 terhadap pasukan Lee.

Saingan kategori beregu campuran pula memperlihatkan Pasukan Shuttle Club terpaksa akur selaku naib johan setelah kalah dalam permainan tiga set terhadap pasukan Skema 2 dengan mata 21-17, 18-21 dan 21-13.

Manakala pasukan Skema terpaksa berpuas hati di tempat ketiga.

Sementaraitu, beregu staf menyaksikan pasukan Sukim dinobatkan juara,

pasukan Jalil di tempat kedua dan pasukan Sport Dynamic di tempat ketiga.

Pengarah program badminton yang juga ahli Exco sukan dan rekreasi MPP, Pang Ngiap Ting, berkata kejohanan itu yang mendapat penyertaan sebanyak 40 kumpulan juga dilihat sebagai medan terbaik dalam mengeratkan silaturahim antara mahasiswa tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.

Pang yang amat berpuas hati dengan penglibatan mahasiswa dan kelab jemputan turut menambah bahawa lebih banyak aktiviti sukan bakal dianjurkan pada masa akan datang selain berharap lebih banyak penyertaan daripada mahasiswa universiti.

Beliau turut menyatakan penghargaannya terhadap kelab jemputan iaitu Sabah Badminton Association SBA dan Labuan serta kakitangan yang turut serta menjayakan kejohanan tersebut.



PASUKAN Sukim muncul juara bagi kategori staf.



PARA pemenang Kejohanan badminton tertutup UMS bersama pengelola.